

Dr. Mahathir negarawan berani — Hadi

um-a/6/2006

ALOR STAR 8 Jun — Pas menyifatkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai negarawan yang berani apabila mengkritik secara terbuka dasar kerajaan yang dianggap merugikan rakyat.

Sehubungan itu, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, pihaknya mempelawa Dr. Mahathir untuk memberi penerangan mengenai kelemahan kerajaan bersama parti pembangkang itu.

“Kita bersedia menyediakan pentas untuk Dr. Mahathir memberi penerangan kalau UMNO tidak mahu memberi peluang itu kepadanya.

“Bukan kita hendak peralatkan Dr. Mahathir kerana Pas pernah beri pentas kepada beliau selepas dipecat daripada UMNO oleh Tunku Abdul Rahman dulu.

“Bagi saya, beliau (Dr. Mahathir) tidak mudah diperalatkan kerana beliau ada pendiriannya sendiri,” katanya kepada pemberita pada Muktamar Tahunan Pas ke-52 di Markas Pas Kedah di Kota Sarang, Semut dekat sini hari ini.

Abdul Hadi mengulas kritikan keras Dr. Mahathir kepada kerajaan yang didakwa melanggar janji untuk meneruskan keputusan yang telah dibuat oleh pentadbiran yang dipimpin sebelumnya.

Beberapa isu penting dalam kerajaan termasuk pembatalan cadangan projek pembinaan sebuah jambatan bagi menggantikan Tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dan Singapura merupakan punca Dr. Mahathir mengeluarkan kritikan itu.

Abdul Hadi berkata, semua pihak terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan barisan menteri Kabinet perlu menghormati pandangan Dr. Mahathir.

“Pandangan Dr. Mahathir jangan ditolak kerana ada perkara yang perlu diberi perhatian oleh pemimpin masa kini,” katanya.

Bagi mengendurkan semula ketegangan itu, Abdul Hadi berkata, Abdullah perlu menjawab segera segala kritikan yang dilemparkan oleh Dr. Mahathir dalam tempoh terdekat ini.

Sementara itu, Pesuruhjaya Pas Terengganu, Datuk Mustafa Ali berkata, beliau percaya ramai pemimpin UMNO yang tidak bersetuju dengan Abdullah tetapi mereka tidak berani menyatakan pandangan mereka.

“Hanya Dr. Mahathir yang berani mengemukakan pandangannya secara terbuka, yang lain tidak berani,” katanya.